

# **PENTAKRIFAN ASNAF *GHARIMIN* DI INSTITUSI-INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA**

## ***DEFINITION OF GHARIMIN RECIPIENTS IN INSTITUTIONS OF ZAKAT IN MALAYSIA***

Mahadi Mohammad<sup>1</sup>  
Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali<sup>2</sup>  
Syahirah Salwa Md Harun<sup>3</sup>

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini membincangkan tentang pentakrifan asnaf *gharimin* menurut fuqaha' dan yang diguna pakai oleh institusi-institusi zakat di Malaysia serta isu dan cabaran berkaitan dengan penetapan takrif asnaf *gharimin*. Menggunakan kaedah kualitatif dan analisis deskriptif; data dikumpul melalui buku, artikel, laman web dan hasil temu bual dengan pihak institusi zakat di Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa pentakrifan asnaf *gharimin* yang diguna pakai di institusi-institusi zakat di Malaysia adalah berlandaskan mazhab Syafie. Pentakrifan umum yang diguna pakai adalah sama, namun dari sudut penetapan kelayakan asnaf *gharimin* antara institusi-institusi zakat adalah berbeza. Sebahagian negeri menerima kes-kes berhutang dengan ceti haram dan memberi pinjaman pelajaran melalui sistem *qardhul hasan* manakala sebahagian institusi yang lain tidak mengambilkira perkara-perkara tersebut dalam penyediaan bantuan kepada asnaf *gharimin*. Perbezaan ini perlu diteliti kembali oleh institusi-institusi zakat dan diselaraskan di peringkat pusat bagi memastikan sistem agihan zakat yang berkesan. Kertas ini turut mencadangkan diwujudkan satu unit pembiayaan *qardhul hasan* sebagai alternatif kepada masalah hutang yang berlaku dalam masyarakat.

**Kata Kunci:** Pentakrifan Asnaf *Gharimin*, Institusi Zakat

---

<sup>1</sup> Mahadi Mohammad, Pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu. Email: mahadimohammad@unisza.edu.my

<sup>2</sup> Muhammad Tajuddin Engku Ali, Pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu. Email: emtajuddin@unisza.edu.my

<sup>3</sup> Syahirah Salwa Md Harun, Calon Sarjana Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu. Email: syahirahsalwa88@gmail.com

## **ABSTRACT**

*This paper discusses the definition of gharimin recipients by fuqaha' and adopted by institutions of zakat in Malaysia. This paper also mentions the issues and challenges about gharimin recipients faced by institutions of zakat. Using qualitative and descriptive analysis; data collected through books, articles, websites and interviews with institution of zakat in Malaysia . It found that the definition of gharimin recipients that adopted in zakat institutions in Malaysia is based on Shafie sect. The general definitions of gharimin recipients that have been used by institutions of zakat are the same, but from the point of eligibility determination of gharimin recipients in zakat institutions is different. For example, the cases of illegal debt with loan sharks and education loans through the system qardhul hasan are counted as part of gharimin recipients provision by some institutions while some other institutions do not include these matters as the provision for gharimin recipients. These differences need to be examined again by institutions of zakat and coordinated at the federal level to ensure an effective system of zakat distribution. This paper also proposed an establishment of qardhul hasan financing unit as an alternative to solve debts problems in society.*

**Keywords:** *Definition Of Gharimin Recipients, Institutions Of Zakat*

### **1. PENDAHULUAN**

Zakat adalah satu kewajipan yang diperintahkan oleh Allah s.w.t ke atas setiap orang Islam. Zakat dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam dari belenggu kesusahan kepada kesenangan seandainya dana zakat diuruskan dengan sebaiknya. Pengagihan zakat yang berkesan dapat membantu umat Islam untuk lebih maju ke hadapan dalam era globalisasi ini. Al- Quran dalam ayat 60 surah at- Taubah telah menyebut lapan golongan yang berhak menerima zakat dan salah satunya adalah asnaf *gharimin*. Kajian ini dijalankan bagi meneliti pentakrifan asnaf *gharimin* di institusi-institusi zakat di Malaysia.

### **2. KAJIAN LEPAS**

Pentakrifan asnaf zakat memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan zakat di Malaysia berada di tahap yang optimum. Pemahaman tentang pentakrifan asnaf zakat juga penting bagi mendidik masyarakat untuk mengetahui hak-hak asnaf zakat. Terdapat beberapa kajian lepas yang menyentuh berkenaan pentakrifan asnaf zakat dalam pengurusan zakat di Malaysia.

Zulkefly Abdul Karim et al. (n.d.) dalam kajiannya menyatakan bahawa penentuan asnaf adalah satu tugas yang amat rumit disebabkan keadaan persekitaran yang mempengaruhinya berbeza antara tempat. Malah untuk mendapatkan asnaf itu sendiri yang sebenar-benarnya layak menjadi satu masalah yang ketara. Kekurangan maklumat berkenaan soal hidup asnaf terutamanya fakir dan miskin perlu diatasi. Peranan masyarakat setempat terutamanya di

kawasan kariah masjid adalah penting untuk memastikan anggota masyarakat yang berhak mendapat zakat tidak ditinggalkan. Menurutnya, pihak Baitulmal negeri juga perlu melaksanakan program mengenali asnaf dengan lebih intensif supaya setiap individu atau golongan masyarakat yang layak mendapat haknya.

Isu kaedah pengagihan, agihan zakat kepada asnaf yang layak atau tidak, masalah kemiskinan yang masih berlaku walaupun agihan zakat telah dilaksanakan telah mencatatkan prestasi dan pencapaian institusi zakat itu sendiri. (Mohamed Dahan Abd Latif, 1998 dan Abdullah Ibrahim, 1999). Perkara ini sering kali dikaitkan dengan ketidakpuasan hati pembayar zakat yang akhirnya akan menjejaskan kadar peningkatan kutipan zakat setiap tahun. Sanep Ahmad et al. (2006) juga menyatakan dalam kajiannya bahawa perbezaan pendefinisian asnaf zakat merupakan salah satu punca mengapa masyarakat kurang yakin terhadap institusi zakat. Menurutnya jika masalah ini tidak diatasi dengan segera, masyarakat akan memandang serong kepada institusi zakat dan ini menyebabkan berlakunya kepincangan dalam sistem pengurusan zakat.

Manakala kajian lepas berkaitan asnaf *gharimin* secara khusus telah dibuat oleh Hasan Bahrom (2011). Menurut beliau, pengertian *gharimin* perlu dilihat secara lebih telus terutamanya nilai keberhutangan manusia pada hari ini tidak lagi merujuk kepada keperluan asas tetapi menjurus ke arah hutang untuk kepentingan dan kemewahan. Penjelasan secara terperinci dan penetapan syarat perlu dilakukan agar masyarakat dapat memahami dengan jelas apakah yang dimaksudkan dengan *gharimin*.

Kesimpulannya, kajian mengenai pentakrifan asnaf *gharimin* perlu dijalankan bagi mengenalpasti pentakrifan yang digunapakai di institusi-institusi zakat di Malaysia bersesuaian dengan perubahan semasa agar dapat menangani isu serta cabaran yang dihadapi.

### **3. TAFSIRAN ASNAF *GHARIMIN* MENURUT FUQAHA'**

*Gharimin* adalah perkataan bahasa arab yang berasal daripada perkataan *ghārim*, yang bermaksud orang yang terikat dengan perjanjian (Qal'ahji, 2010). Dari segi istilah, ulama berbeza pendapat dalam pentakrifannya.

Menurut mazhab Hanafi mentakrifkan *gharimin* sebagai mereka yang berhutang dan tidak memiliki nisab yang melebihi hutangnya (Yusuf al-Qaradhawi, 2010: 598). Bagi mazhab Maliki, *gharimin* adalah orang yang berhutang dan tidak mempunyai harta untuk membayarnya dan tidak berhutang dalam perkara maksiat (Wahbah az-Zuhaili, 2011: 286). Manakala mazhab Syafie dan Hanabilah mentakrifkan asnaf *gharimin* kepada dua bahagian iaitu yang pertama adalah mereka yang berhutang untuk dirinya atau orang lain samada hutang berkaitan kebajikan atau maksiat. Manakala yang kedua adalah mereka yang berhutang untuk mendamaikan orang yang berselisih walaupun mereka orang kaya (Wahbah az-Zuhaili, 2011: 285).

Sebahagian ulama mazhab Syafie mengkategorikan asnaf *gharimin* kepada empat golongan iaitu (At-Tarmasi, 2011):

1. Golongan yang berhutang untuk mendamaikan pertelingkahan,
2. Golongan yang berhutang kerana masalah umum seperti meraikan tetamu dan mengimarahkan masjid serta membina jambatan,
3. Berhutang untuk tujuan peribadi,
4. Berhutang kerana menjadi penjamin.

Namun keempat-empat golongan tersebut terkandung dalam dua kategori iaitu golongan yang berhutang untuk mendamaikan persengketaan dan berhutang untuk tujuan peribadi (Al-Nawawi, 2007).

Perbincangan tentang golongan yang berhutang untuk mendamaikan pertelingkahan telah dikhususkan ulama kepada mereka yang berhutang melibatkan pembayaran diat atau menanggung hutang pihak lain yang tidak melibatkan diat seperti pampasan, atau ganti rugi. Pandangan yang paling kuat dalam mazhab Syafie membolehkan zakat diberi di bawah asnaf *gharimin* bagi tujuan-tujuan tersebut (Al-Nawawi, 2007).

#### **4. PENTAKRIFAN ASNAF *GHARIMIN* MENURUT INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA**

Institusi-institusi zakat di Malaysia diletakkan di bawah penguasaan Majlis Agama Islam Negeri di setiap negeri di Malaysia (Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, 2007). Institusi zakat merupakan satu badan yang diberi kepercayaan untuk menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan zakat seperti mengutip dan mengagihkannya kepada mana-mana pihak yang berhak. Pentakrifan asnaf zakat juga termasuk dalam bidang tugas institusi zakat di setiap negeri.

Merujuk kepada laman web institusi zakat Terengganu, Kelantan, Perlis dan Johor, asnaf *gharimin* ditakrifkan sebagai golongan yang berhutang untuk keperluan peribadi, keluarga mahupun umum selagimana ianya tidak melibatkan perkara-perkara yang ditegah oleh Islam. Manakala asnaf *gharimin* menurut institusi zakat Melaka adalah lebih umum iaitu orang yang menanggung hutang yang dibenarkan oleh syara' seperti hutang untuk masalah orang ramai tetapi tidak mampu untuk membayar hutang tersebut ("Majlis Agama Islam Melaka," 2013).

Asnaf *gharimin* menurut takrif yang diberikan oleh institusi zakat Kedah pula ialah orang yang berhutang untuk kepentingan yang bukan maksiat dan tidak mampu membayarnya. Begitu juga bagi orang yang berhutang untuk memelihara persatuan umat Islam. Maka hutangnya itu dibayar dengan zakat walaupun dia mampu membayarnya ("Majlis Agama Islam Kedah," 2013).

Institusi zakat Pulau Pinang (Mohd Khairi Ghazali, 2013) membahagikan asnaf *gharimin* kepada tiga golongan iaitu orang atau mana-mana organisasi yang terbeban dengan hutang kerana meminjam wang atau harta untuk kegunaan orang awam atau sendiri sebagaimana yang dibenarkan oleh hukum syarak, orang yang berhutang untuk memenuhi keperluan asasi bagi diri atau keluarga di bawah tanggungannya dan orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah umum memerlukan penyelesaian segera serta hutang tersebut tidak bercanggah dengan syarak.

Menurut institusi zakat Selangor, asnaf *gharimin* ialah orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asasi bagi permasalahan diri atau keluarga tanggungannya atau orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memerlukan dengan syarat berikut:

- a) Orang yang berhutang itu tidak mampu menjelaskan hutangnya.
- b) Hutang itu hendaklah dalam perkara taat yang diharuskan syarak.
- c) Hutang telah sampai tempoh untuk dijelaskan (“Lembaga Zakat Selangor,” 2013)

Konklusinya, boleh disimpulkan bahawa secara umum, kesemua institusi zakat tersebut mentakrifkan asnaf *gharimin* sebagai orang yang berhutang dengan tujuan yang dibenarkan syarak tetapi tidak mampu membayar hutang tersebut. Walaubagaimanapun, institusi-institusi zakat menggunakan takrif asnaf *gharimin* yang sama secara umum sahaja dan perbezaan pentakrifan asnaf *gharimin* dapat dilihat antara negeri-negeri dari sudut penetapan kelayakan asnaf *gharimin* dan peruntukan bantuan untuk asnaf *gharimin*.

## 5. PERBINCANGAN

Berdasarkan pentakrifan yang dikemukakan, secara umumnya boleh disimpulkan bahawa institusi-institusi zakat di Malaysia bertepatan dengan mazhab Syafie dalam pentakrifan asnaf. Secara umumnya, pentakrifan asnaf *gharimin* bagi setiap institusi zakat adalah sama namun perbezaan dilihat daripada segi penetapan kelayakan asnaf *gharimin*. Persoalannya, mengapakah berlakunya perbezaan ini di institusi-institusi zakat di Malaysia walaupun menggunakan mazhab yang sama sebagai dasar penetapan hukum?

Menurut pemerhatian, perkara ini berlaku kerana perbezaan penafsiran yang terperinci oleh institusi-institusi zakat terhadap takrif asnaf *gharimin* yang telah digariskan oleh mazhab Syafie iaitu dalam frasa berhutang dalam perkara yang diharuskan syarak. Frasa tersebut membawa maksud yang luas dan merangkumi kesemua perkara harus dalam Islam. Namun demi mengelakkan penyalahgunaan dana zakat, perincian mengenai perkara yang diharuskan syarak perlu diteliti dengan sebaiknya. Perbezaan penafsiran maksud berhutang dalam perkara yang diharuskan syarak menyebabkan perbezaan penetapan kelayakan asnaf di sesebuah institusi zakat.

Sebagai contoh, dalam penetapan asnaf *gharimin*, terdapat negeri yang melaksanakan *qardul hasan* dan terdapat negeri yang tidak mempraktikkannya. Abu Zuhrah dan Abdul Wahab Khallaf telah mengeluarkan fatwa keharusan zakat diberi sebagai *qardul hasan* daripada asnaf *gharimin*. *Qias* yang sah serta umum *maqasid* juga mengharuskan perbuatan ini dengan diadakan tabung khas daripada bahagian al-*gharimin*. Langkah ini merupakan satu usaha melawan riba dan hutang haram (Al-Qaradhawi, 2006).

Hasil temubual dalam aspek aplikasi *qardul hasan* mendapati bahawa, institusi zakat Terengganu (Johari Ismail, 2013) mempraktikkannya manakala institusi zakat. Institusi zakat Terengganu mengaplikasikan sistem *qardul hasan* dalam urusan pinjaman untuk mahasiswa melanjutkan pelajaran bagi yang tidak mendapat bantuan zakat. Manakala insitusi zakat Perak (Noor Wahida Abu Seman, 2013), Perlis (Mohd Nazim Mohd Noor, 2013) dan Pulau Pinang (Mohd Khairi Ghazali, 2013) tidak mempraktikkan *qardul hasan* menggunakan dana zakat.

Perbezaan mengiktiraf sistem *qardul hasan* oleh sebahagian negeri sahaja dan tidak pada negeri-negeri yang lain menunjukkan perbezaan penetapan golongan yang layak memohon bagi asnaf *gharimin*. Perkara ini menyebabkan ketidakseragaman agihan zakat antara institusi-institusi zakat. Ini kerana hanya golongan yang berada di negeri yang mengiktiraf sistem *qardul hasan* dalam zakat dapat menikmati bantuan manakala golongan yang berada di negeri yang tidak mengiktiraf sistem *qardul hasan* tidak dapat membuat permohonan kerana tidak dikira sebahagian daripada asnaf *gharimin*.

Selain berhutang dalam perkara yang diharuskan syarak, hutang hendaklah dalam perkara yang bukan maksiat contohnya hutang yang berunsurkan riba seperti ceti haram. Dalam isu ceti haram, insitusi zakat berbeza dalam peruntukannya. Sebahagian institusi zakat memberikan bantuan kepada penghutang dengan syarat tertentu dan sebahagiannya tidak memperuntukkan dana zakat bagi kes ini. Perbezaan penyediaan bantuan dalam kes ceti haram antara institusi-institusi zakat secara langsung mewujudkan perbezaan penetapan kelayakan asnaf *gharimin* antara institusi-institusi zakat.

Berdasarkan temubual yang dijalankan oleh pengkaji dengan beberapa institusi zakat di semenanjung Malaysia seperti Pulau Pinang (Mohd Khairi Ghazali, 2013) dan Perak (Noor Wahida Abu Seman, 2013), terdapat kebimbangan mengenai menyelesaikan hutang ceti haram dalam masyarakat Islam di Malaysia. Dilema yang berlaku ialah sekiranya institusi zakat tidak memberi bantuan dalam kes ini, keselamatan nyawa orang yang berhutang akan terancam. Namun sekiranya diberi bantuan, dibimbangi orang ramai akan mengambil kesempatan terhadap bantuan yang diperuntukkan dan terus-menerus membuat pinjaman dengan ceti haram. Isu ini tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak. Institusi zakat juga perlu memainkan peranan yang efektif dalam mengatasi masalah ini.

Dalam Islam, orang yang berhutang bagi tujuan maksiat tidak diberi zakat bagi melangsaikan hutang kecuali setelah bertaubat dengan bersungguh-sungguh. Perkara ini berdasarkan hujah yang diambil daripada hadis Rasulullah SAW yang menyatakan bahawa taubat itu menghapuskan perkara yang lampau (Al-Nawawi, 2007).

Selain itu, membantu penghutang yang ingin melepaskan diri daripada belenggu hutang termasuk dalam konsep tolong-menolong dalam melaksanakan perkara makruf dan meninggalkan perkara yang dilarang. Terikat dengan hutang yang berpanjangan dalam tanggungan adalah maksiat dan wajib dilangsaikan dengan segera. Maka tolong menolong pada perkara wajib adalah satu perkara yang mendekatkan diri kepada Allah dan perkara ibadat (Ibn Qudamah, 2004).

Menurut pendapat al-Nawawi, hukum menggunakan dana zakat bagi melangsaikan hutang berkaitan perkara yang haram adalah harus jika seseorang itu telah bertaubat. Namun, secara praktikalnya, kesahihan dakwaan taubat atau insaf amat sukar dikenal pasti. Oleh itu, setiap permohonan perlu diselidik dan ditapis oleh pihak institusi zakat dengan teliti. Dalam menentukan kesungguhan taubat, secara umumnya para ulama mazhab Syafie tidak menetapkan tempoh *tazkiah* (pembersihan akhlak) manakala al-Ruyani menyatakan bahawa memadai hanya dengan sangkaan benar taubatnya walaupun dalam masa yang singkat (Al-Nawawi, 2007).

Walaubagaimanapun, bantuan dana zakat yang diperuntukkan bagi melangsaikan hutang ceti haram memberikan kesan yang positif dan negatif kepada institusi zakat dan masyarakat. Kesan positif ialah dapat menyelamatkan nyawa mereka yang terancam manakala kesan negatif adalah memungkin mereka yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan terhadap bantuan yang diberikan oleh institusi zakat.

Berdasarkan apa yang telah dibincangkan, perbezaan penetapan kelayakan asnaf *gharimin* perlu diteliti kembali oleh institusi-institusi zakat dan diselaraskan di peringkat pusat bagi memastikan sistem agihan zakat yang berkesan.

## **6. ISU DAN CABARAN**

Perbezaan penetapan ini menimbulkan keraguan terhadap asnaf *gharimin* mengenai hak mereka. Kekeliruan mengenai persoalan siapa yang layak memohon dana bagi asnaf *gharimin* juga boleh berlaku. Perkara ini menyebabkan orang yang layak mendapat dana zakat hanya mendiamkan diri dan tidak memohon bantuan zakat kerana kurangnya pengetahuan terhadap pentakrifan asnaf *gharimin* itu sendiri.

Perkara ini membawa kepada satu isu lagi iaitu sejauh mana pendedahan maklumat mengenai asnaf *gharimin* dari segi pentakrifan, syarat-syarat dan hal yang berkaitan disebarkan kepada orang ramai supaya hak mereka dalam dana zakat diketahui dan difahami dengan sebaiknya.

Pendedahan maklumat yang efisien dapat membantu meningkatkan kadar agihan zakat kepada asnaf zakat. Mereka yang layak mendapat dana zakat akan membuat permohonan dana zakat di institusi zakat dan secara tidak langsung membantu institusi zakat dalam usaha menjejak asnaf.

Penentuan asnaf *gharimin* juga sukar dilakukan memandangkan keadaan masyarakat yang berbeza keperluan mengikut tempat. Sebagai contoh, dari segi keperluan hidup, istilah keperluan asasi di tempat kos taraf hidup yang tinggi pula adalah berbeza dengan keperluan asasi di tempat yang berkost taraf hidup rendah. Keperluan asasi juga boleh berubah mengikut arus waktu. Contohnya, kenderaan adalah satu keperluan di masa kini tetapi tidak pada masa dahulu. Justeru, perlu ada penetapan yang khusus terhadap istilah keperluan asasi memandangkan kos taraf hidup semasa semakin meningkat. Faktor jarak antara bangunan institusi zakat dengan penempatan penduduk dan faktor masa juga menyebabkan asnaf *gharimin* sukar dikesan sekiranya tiada inisiatif yang sesuai dari pihak berwajib. Institusi zakat harus mencari jalan penyelesaian yang sebaiknya bagi mengatasi masalah-masalah ini.

Isu dan cabaran dalam pentakrifan asnaf *gharimin* akan dapat diatasi dengan kerjasama daripada pelbagai pihak. Jalan penyelesaian yang sesuai harus diatur untuk memastikan semua permasalahan dapat diselesaikan dengan sebaiknya.

## 7. CADANGAN

Berdasarkan perbincangan mengenai pentakrifan asnaf *gharimin*, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh institusi zakat:

- 1) Menyeragamkan pentakrifan asnaf *gharimin*.

Penyeragaman pentakrifan asnaf *gharimin* di kesemua institusi zakat dapat meningkatkan keberkesanan agihan zakat. Ini kerana penyeragaman pentakrifan asnaf *gharimin* dapat membuatkan bantuan dapat dirasai secara sama rata di kesemua negeri. Wakil dari setiap institusi zakat perlu berbincang dalam mencari penyelesaian terbaik dalam pelaksanaan agihan zakat yang seragam dan berkesan. Kerjasama daripada kesemua Majlis Agama Islam Negeri yang menaungi institusi zakat setiap negeri adalah amat penting dalam memastikan pelaksanaan penyeragaman ini berjalan dengan lancar.

- 2) Menyebarkan maklumat pentakrifan asnaf *gharimin* secara meluas.

Pendedahan pentakrifan asnaf *gharimin* secara terperinci dan syarat-syaratnya harus dilakukan secara meluas melalui semua medium yang dapat digunakan seperti akhbar-akhbar, majalah, laman web, iklan televisyen, iklan di kain rentang, edaran makalah dan sebagainya. Perkara ini membantu masyarakat memahami apa itu asnaf *gharimin* dan dapat mendidik masyarakat tentang hikmah pensyarian zakat dalam Islam.

### 3) Penubuhan unit pinjaman *qardhul hasan* dalam institusi zakat

Penubuhan unit pinjaman dalam institusi zakat untuk mengagihkan hasil zakat dalam bentuk *qardhul hasan* memerlukan kepada kajian lapang berbentuk *market research* (kajian pemasaran) untuk mendapat maklum balas masyarakat terhadap keperluan diadakan unit ini. Kewujudan unit pinjaman dalam institusi zakat mampu menyumbang kepada pengurangan masalah pinjaman daripada ceti haram dengan memberi alternatif secara Islamik melalui *qardhul hasan*.

## 8. KESIMPULAN

Kesimpulannya, pentakrifan asnaf *gharimin* harus diberi perhatian sebagai salah satu asnaf zakat yang diperuntukkan oleh syarak. Pentakrifan asnaf *gharimin* ini mempengaruhi agihan zakat yang dilakukan oleh institusi zakat di setiap negeri di Malaysia. Penafsiran asnaf *gharimin* dan inovasi yang sesuai dengan perkembangan zaman dapat menyumbang kepada penyelesaian isu ekonomi yang berkaitan dengan umat Islam. Hal ini adalah penting agar agihan zakat dapat dijalankan secara efisien seterusnya dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan institusi zakat sebagai badan yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal zakat. Pengurusan dana zakat yang sistematik akan meningkatkan taraf hidup asnaf zakat secara khususnya dan masyarakat Islam secara amnya.

## RUJUKAN

- Abdullah Ibrahim. (1999). Agihan Zakat Menurut Prinsip Siasah Shariyyah. In *Kertas Kerja dibentangkan dalam Kolokium Keberkesanan Zakat Negeri Selangor. Shah Alam.17 Mei 1999*.
- Hasan Bahrom. (2011). Asnaf *Gharimin* dan Ibn Sabil. In Hasan Bahrom, Abd Halim Mohd Noor, & Rawi Nordin (Eds.), *Fiqh Zakat Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM. 2011.
- Ibn Qudamah. (2004). *Al- Mughni 'ala Mukhtasar al -Kharqi*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR). (2007). *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Jabatan Wakaf Zakat dan Haji.
- Lembaga Zakat Selangor. (2013). *Asnaf Zakat*. Retrieved from <http://www.e-zakat.com.my/info-zakat/asnaf-zakat/>, (Diakses pada 10 Disember 2013)
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. (2013). *Asnaf-asnaf Zakat*. Retrieved from <http://www.e->

- maik.my/public\_new/index.php?option=com\_content&view=article&id=264&Itemid=1164 (Diakses pada 10 Desember 2013)
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. (2013). *Asnaf Zakat*. Retrieved from <http://maidam.terengganu.gov.my/> (Diakses pada 10 Desember 2013)
- Majlis Agama Islam Johor. (2013). *Asnaf Zakat*. Retrieved from <http://www.maij.gov.my/agihan/index.html> (Diakses pada 10 Desember 2013)
- Majlis Agama Islam Kedah. (2013). *Asnaf Zakat*. Retrieved from <http://www.maij.gov.my/agihan/index.html> (Diakses pada 10 Desember 2013)
- Majlis Agama Islam Melaka. (2013). *Kelayakan*. Retrieved from <http://www.maim.gov.my/www/v1/services.php?ref=services2&nav=services&id=bm> (Diakses pada 10 Desember 2013)
- Majlis Agama Islam Perlis. (2013). *Asnaf Zakat*. Retrieved from <http://maip.perlis.gov.my/index.php/component/content/article/2-uncategorised/22-asnaf> (Diakses pada 10 Desember 2013)
- Mohamed Dahan Abd Latif. (1998). *Zakat Management and Administration in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Mahfuz ibn Abdullah at-Tarmasi. (2011). *Hasyiah al- Tarmasi 'ala al -Manhaj al-Qawim*. Jeddah: Dar al- Minhaj.Ctk 1.
- Muhammad Ruwas Qal'ahji. (2010). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*. Dar al-Nafaes. Hal 296.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid, & Adnan Mohamad. (2006). *Penswastan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di malaysia*.
- Wahbah az-Zuhaili. (2011). *Fiqih Islam Wa Adillatuhu*. Trj. DarulFikr. Jld 3.
- Yahya bin Sharaf al-Nawawi. (2007). *Al-Majmu' Syarh al -Muhazzab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Ctk 1.
- Yusuf al-Qaradhawi. (2010). *Hukum Zakat*. Trj. Pustaka Nasional.
- Zulkefly Abdul Karim, Mohd. Azlan Shah Zaidi, & Hairunnizam Wahid. (n.d.). *Pendapatan dan Sasaran Perbelanjaan Dana Zakat di Negeri Kedah, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan: Isu dan Cabaran* (pp. 1–19).